



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Lembaga Peperiksaan

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

FORMAT PENTAKSIRAN

MULAI TAHUN 2021

BIBLE KNOWLEDGE
(KOD: 9221)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)



Diterbitkan oleh:



Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia

© Lembaga Peperiksaan 2020
Cetakan Pertama 2020

Hak Cipta Terpelihara.

Sebarang artikel, ilustrasi, isi kandungan dari mana-mana bahagian dalam buku

Sijil Pelajaran Malaysia: Format Pentaksiran Mulai Tahun 2021

ini adalah tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada:

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

KATA PENGANTAR


Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menggubal dasar-dasar pentaksiran, peperiksaan dan pengujian pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat kurikulum. Sehubungan dengan itu, perekaan bentuk format pentaksiran baharu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilaksanakan oleh LP sebaik sahaja Kementerian Pendidikan Malaysia meluluskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima mulai tahun 2020. Perekaan bentuk tersebut dilaksanakan dalam lima fasa utama iaitu pengkonsepsian, penentuan instrumen, pembinaan instrumen, kajian kesesuaian instrumen dan pemurnian serta penyediaan dokumen pentaksiran. Hal yang demikian bertujuan untuk memastikan agar kualiti pentaksiran dan peperiksaan kebangsaan mempunyai suatu standard atau piawai. Perekaan bentuk ini melibatkan semua mata pelajaran, termasuklah mata pelajaran Bible Knowledge yang merupakan mata pelajaran pada peringkat SPM.

Dalam perekaan bentuk format pentaksiran, aspek penjajaran dengan kurikulum kebangsaan sangat diberikan keutamaan. Oleh sebab itu, format pentaksiran direka bentuk berdasarkan matlamat, objektif dan kandungan kurikulum standard seperti terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Prinsip-prinsip asas pentaksiran terutama aspek kesahan, kebolehpercayaan, kebolehlaksanaan dan penjaminan kualiti juga amat dititikberatkan. Pentaksiran turut memberikan fokus khusus kepada pencapaian objektif mata pelajaran dan aspek-aspek yang ditaksir, iaitu bidang pengetahuan, kemahiran dan nilai di samping memastikan keseluruhan pentaksiran mempunyai kerelevan dan kecukupcakupan dari aspek standard kandungan dan standard pembelajaran. Melalui perekaan bentuk, LP berjaya menghasilkan format pentaksiran bagi mata pelajaran tersebut. Format pentaksiran ini telah diluluskan pada 21 Februari 2020 oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (MJKK) dan digunakan sepenuhnya dalam SPM mulai tahun 2021.

Buku format pentaksiran ini diterbitkan dengan hasrat untuk mendekatkan pentaksiran dengan masyarakat, terutama semua guru, ibu bapa, murid dan calon peperiksaan. Harapan LP agar semua maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat memberikan huraian yang jelas tentang perkara, cara dan bentuk pentaksiran dapat dilaksanakan. Usaha murni ini sangat penting untuk memberikan keadilan kepada semua calon yang menduduki peperiksaan dan menjaga kewibawaan institusi LP. LP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam perekaan bentuk dan penghasilan format pentaksiran ini. Semoga pelaksanaan format pentaksiran ini akan dapat mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan serta mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan.


DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI

Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia



ISI KANDUNGAN

| | | |
|------|----------------------------------|----|
| 1.0 | Pengenalan | 4 |
| 2.0 | Asas Pertimbangan | 4 |
| 3.0 | Punca Kuasa | 6 |
| 4.0 | Matlamat Mata Pelajaran | 6 |
| 5.0 | Objektif Pentaksiran (OP) | 7 |
| 6.0 | Konstruk dan Aspek yang Ditaksir | 7 |
| 7.0 | Aras Kesukaran Item | 8 |
| 8.0 | Format Pentaksiran | 8 |
| 9.0 | Contoh Item | 10 |
| 10.0 | Lampiran 1 | 11 |



1.0 PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. Selaras dengan perubahan diatas, Lembaga Peperiksaan telah mengadakan perekaan bentuk instrumen pentaksiran bagi matapelajaran Bible Knowledge berdasarkan *Good News Bible*.

Pentaksiran ini adalah berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian piawai untuk menjamin mutu, kesetaraan, kesahan dan kebolehpercayaan skor ujian. Untuk mengambil peperiksaan mata pelajaran ini, calon-calon perlu membaca dan mengkaji *Good News Bible* yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

2.0 ASAS PERTIMBANGAN


Beberapa prinsip yang menjadi asas pertimbangan dalam proses perekaan bentuk format pentaksiran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah:

2.1 KESAHAN

Kesahan merujuk ciri ujian dan melibatkan dua perkara, iaitu kerelevan dan kecukupcakupan. Perekaan bentuk instrumen pentaksiran ini telah memastikan semua konstruk (perkara yang ditaksir) dijelmakan berdasarkan objektif mata pelajaran. Item-item yang dikemukakan adalah akur dengan kurikulum standard dan spesifikasi ujian serta mempunyai kesesuaian dari segi kumpulan sasaran, aras kesukaran, konteks dan situasi. Kandungan instrumen pentaksiran mencakupi semua aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh dalam pendidikan mata pelajaran berkenaan, seperti yang dihasratkan oleh kurikulum standard.

2.2 KEBOLEHPERCAYAAN

Kebolehpercayaan merujuk ciri skor ujian dan melibatkan dua perkara iaitu ketekalan dan ketepatan. Di peringkat pembinaan, satu spesifikasi ujian direka bentuk bagi setiap instrumen pentaksiran untuk dijadikan piawaian. Hal ini adalah untuk memastikan ketepatan, kesetaraan dan ketekalan instrumen pentaksiran yang dihasilkan setiap tahun. Analisis data peperiksaan juga dapat menunjukkan tahap kebolehpercayaan sesuatu instrumen pengukuran.



2.3 KEOBJEKTIFAN

Keobjektifan merujuk kejelasan fungsi setiap instrumen yang dibina. Setiap instrumen pentaksiran dibina dengan tujuan khusus mengikut spesifikasi ujian tertentu. Jadual Spesifikasi Ujian berfungsi mengawal kefungsian instrumen yang dibina. Setiap pembina harus jelas dengan kehendak setiap instrumen pentaksiran yang dibina. Antaranya, konstruk yang ditaksir dan inferens yang boleh dibuat daripada skor yang akan diperoleh.


Dalam item berbentuk subjektif, keobjektifan juga merujuk ketepatan seseorang pemeriksa memeriksa skrip jawapan atau ketepatan seseorang pentaksir memberikan skor calon. Dalam konteks ini, ciri keobjektifan pemberian markah atau skor boleh dipertingkatkan dengan menyediakan skema penskoran yang objektif serta markah atau skor yang diselaraskan melalui mesyuarat penyelaras. Hal ini dapat mengurangkan perselisihan dalam pemberian markah atau skor dalam kalangan pemeriksa atau pentaksir bagi menjamin kebolehpercayaan skor.

2.4 KEBOLEHTADBIRAN

Kebolehtadbiran merujuk kebolehlaksanaan sesuatu program pentaksiran dari segi kos, masa dan personel sama ada program berpusat dan pentaksiran berasaskan sekolah.

2.5 KEMUDAHTAFSIRAN

Kemudahtafsiran merujuk keupayaan skor daripada proses pentaksiran dalam memberikan maklumat tentang seseorang murid dalam perkara yang ditaksir. Skor yang baik berupaya mendiskriminasikan murid yang mempunyai kepelbagaiuan keupayaan. Di samping itu, kemudahtafsiran dapat memberi sebab serta tujuan sesuatu ujian dan pentaksiran itu diadakan.



2.6 KEKOMPREHENSIFAN


Kekomprehensifan sesuatu ujian atau pentaksiran merujuk sejauh mana sesuatu ujian itu mengandungi item yang mewakili semua objektif yang penting dalam kurikulum. Jelasnya prinsip-prinsip pentaksiran yang dinyatakan itu, merupakan landasan penting dalam menjalankan pentaksiran. Justeru, mereka yang terlibat dengan proses pentaksiran dalam pendidikan, sewajarnya akur akan prinsip-prinsip pentaksiran yang telah ditetapkan itu agar matlamat dan objektif pentaksiran dapat dicapai dengan jayanya.

3.0 PUNCA KUASA

Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan format pentaksiran bagi mata pelajaran Bible Knowledge mulai tahun 2021. Format tersebut telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bil. 1/2020 pada 21 Februari 2020.

4.0 MATLAMAT MATA PELAJARAN

Bible Knowledge merupakan mata pelajaran di luar KSSM dan tidak mempunyai kurikulum pengajaran dan pembelajaran. Ianya merupakan satu mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja. Untuk mengambil peperiksaan mata pelajaran ini, calon-calon perlu membaca dan mengkaji *Good News Bible* yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.



5.0 OBJEKTIF PENTAKSIRAN (OP)

Objektif pentaksiran berdasarkan matlamat dan objektif mata pelajaran Bible Knowledge sekolah menengah untuk mentaksir pencapaian murid dalam keupayaan:

OP1: Menyatakan nama orang atau tempat yang terlibat dalam peristiwa tertentu;

OP2: Mengenalpasti, menceritakan atau menghuraikan parables dan sebab-sebab berlakunya sesuatu peristiwa;

OP3: Membuat kesimpulan tentang ajaran melalui parables atau peristiwa;

OP4: Membuat perbandingan dan perkaitan antara parables, peristiwa atau peranan orang utama; dan

OP5: Menilai peranan orang utama dan istimewa dalam peristiwa atau parables tertentu serta kepentingan impak sesuatu kejadian atau peristiwa.

6.0 KONSTRUK DAN ASPEK YANG DITAKSIR

6.1 Konstruk yang ditaksir


6.1.1 Kemahiran Menulis

- Mengaplikasi
- Menganalisis
- Menilai
- Mengingat dan memahami

6.2 Aspek yang ditaksir

6.2.2 Kemahiran

- (i) Kemahiran membaca
 - Menerangkan idea
 - Merumus
 - Memberi pendapat



7.0 ARAS KESUKARAN ITEM

Item yang dibina mestilah menepati aras kesukaran yang dihasratkan, iaitu sama ada aras kesukaran rendah (R), sederhana (S) atau tinggi (T).

7.1 Aras R

Item yang mempunyai aras kesukaran rendah, boleh dijawab betul oleh lebih 60% calon (sebahagian besar calon).

7.2 Aras S

Item yang mempunyai aras kesukaran sederhana, boleh dijawab betul oleh 40% - 60% calon.


7.3 Aras T

Item yang mempunyai aras kesukaran tinggi, boleh dijawab betul oleh kurang 40% calon (sebahagian kecil calon).

8.0 FORMAT PENTAKSIRAN


Pentaksiran mata pelajaran Bible Knowledge menggunakan satu instrumen sahaja iaitu 9221 – Bible Knowledge (Kemahiran Menulis).

Format pentaksiran ini ditunjukkan pada halaman 9.




FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021
MATA PELAJARAN BIBLE KNOWLEDGE (9221)

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|------|------------------|--|
| 1 | Jenis Instrumen | Ujian Bertulis |
| 2 | Jenis Item | <ul style="list-style-type: none"> • Subjektif Respons Terhad • Subjektif Respons Terbuka |
| 3 | Bilangan Soalan | <p>Bahagian A (15 markah) 3 soalan (Jawab semua soalan)</p> <p>Bahagian B (15 markah) 3 soalan (Jawab semua soalan)</p> <p>Bahagian C (70 markah)</p> <p>Bahagian 1 2 soalan (Jawab 1 soalan)</p> <p>Bahagian 2 4 soalan (Jawab 3 soalan)</p> |
| 4 | Jumlah Markah | 100 markah |
| 5 | Tempoh Ujian | 2 jam |
| 6 | Konstruk | <p>Kemahiran Membaca</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengingat dan Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai |
| 7 | Cakupan Konteks | Mencakupi semua kandungan dan pembelajaran dalam <i>Good News Bible</i> |
| 8 | Aras Kesukaran | Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2 |
| 9 | Kaedah Penskoran | <ul style="list-style-type: none"> • Analitik • Holistik |
| 10 | Alat Tambahan | Tiada |



9.0 CONTOH ITEM

- 9.1** Contoh item ialah item yang telah disediakan untuk memberikan idea kepada pengguna tentang kepelbagaiannya konstruk, konteks dan aras yang ditaburkan pada keseluruhan kertas peperiksaan berdasarkan piawaian spesifikasi ujian. **Rujuk Lampiran 1.**
- 9.2** Pembinaan instrumen bagi setiap tahun berdasarkan satu spesifikasi ujian yang piawai. Wajarnya konstruk dan aras kesukaran mengikut spesifikasi ujian tersebut tetapi boleh diukur pada konteks yang berbeza.




LAMPIRAN 1

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
MULAI TAHUN 2021**

**BIBLE KNOWLEDGE
(9221)**

CONTOH-CONTOH ITEM

9221 – BIBLE KNOWLEDGE



CONTOH ITEM BAHAGIAN A

SECTION A (15 marks)

The Gospel according to Luke

Read the context passages below and answer the questions that follow.

*When Jesus saw how much faith they had, he said to **the man**, “Your sins are forgiven, my friend.” The teachers of the Law and the Pharisees began to say to themselves, “Who is this man who speaks such blasphemy!”* **(Luke 5:20 – 21a)**

- (a) Why was Jesus accused of blasphemy when he said, “Your sins are forgiven, my friend.”?
- (b) How did Jesus respond to the accusation?

*He (the Lord) said to them (the disciples), “There is a large **harvest**, but few workers to gather it in. Pray to the owner of the **harvest** that he will send out workers to gather in his **harvest**. Go! I am sending you like lambs among wolves.”*

(Luke 10:2 – 3)

- (a) What does the **harvest** refer to?
- (b) Mention **two** things that the Lord told the disciples **not** to bring along when they were sent out.
- (c) Why did Jesus tell the disciples not to bring along these things?

... Jesus added, “a prophet is never welcomed in his home town.” **(Luke 4:24)**

- (a) Name **two** prophets that Jesus mentioned to support what he said above.
- (b) How did the people react to what Jesus said?

CONTOH ITEM BAHAGIAN B

SECTION B

(15 marks)

The Acts of the Apostles

Read the context passages below and answer the questions that follow.

After saying this, he (Jesus) was taken up to heaven as they watched him, and a cloud hid him from their sight. **(Acts 1:9)**

- (a) State what Jesus promised his apostles **just before** he was taken up to heaven.
- (b) Who appeared to the apostles during this incident?

Peter began to speak: “I know realise that it is true that God treats everyone on the same basis. Whoever fears him and does what is right is acceptable to him, no matter what race he belongs to.”

(Acts 10:34 – 35)

- (a) Who were present when Peter said these words?
- (b) Why were these words significant to the listeners?
- (c) What happened while Peter was still speaking?

When the crowds saw what Paul had done, they started shouting in their own Lycaonian language, ... **(Acts 14:11)**

- (a) What had Paul done to make the crowds shout?
- (b) In which town did this happen?
- (c) How did the crowds react in response to this incident?

CONTOH ITEM BAHAGIAN C

SECTION C

(70 marks)

PART 1

Answer any ONE question. Your answer should be in one short paragraph.

The Gospel according to Luke

Simon from Cyrene carried the cross for Jesus. What does carrying the cross mean to you?

The Acts of the Apostles

Paul's life was in danger on many occasions but God delivered him from danger each time.

How does this relate to God's plan for Paul and the spread of the Gospel?

PART 2

Answer any THREE questions.

The Gospel according to Luke

(a) Give an account of the **three** temptations of Jesus in the desert.

(b) Comment on Jesus' response to each of these temptations.

(a) Narrate the following healing miracles performed by Jesus:

(i) a man with a dreaded skin disease

(ii) ten men with a dreaded skin disease

(b) Compare and contrast these two incidents of healing.

Acts of the Apostles

(a) Describe the vision that

(i) Cornelius had in his house.

(ii) Peter had on the roof of the house of Simon, the leather-worker.

(b) (i) What did Peter learn from his vision?

(ii) How did Peter's vision impact the spread of the gospel?

- (a) Give an account of the conversion of the jailer in Philippi, where Paul was imprisoned.
- (b) Why did Paul claim his Roman citizenship when the authorities wanted to release him?

TAMAT



Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia

@ 2020 Hak Cipta Kerajaan Malaysia